



FAKULTI ... Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan, Prof Dr Abd Hamid Ahmad (tengah, baju putih lengan panjang) bersama rombongan staf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabanagsa Labuan (UMSKAL) yang mengikuti lawatan muhibah ke FPL pada 6 Ogos lalu.

16 Staf UMSKAL teruja ikuti lawatan ke FPL Sandakan

NST 12.8.2019 7

LABUAN: Seramai 16 pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabanagsa Labuan (UMSKAL) teruja mengikuti lawatan muhibah ke Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan yang diadakan baru-baru ini.

Kegembiraan mereka jelas terbayang sejurus tiba di pekarangan kampus yang disambut mesra Dekan Fakulti Pertanian Lestari, Prof Dr Abd Hamid Ahmad bersama Timbalan Pendaftar FPL, Dr Roslan Gimba.

Rombongan UMSKAL diketuai Penolong Pendaftar Kanan yang juga Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM), Mas Adi Alimin yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik.

Beliau yang juga mewakili Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah mengucapkan terima kasih atas sambutan Dekan, pegawai dan kakitangan FPL yang menjayakan lawatan tersebut.

"Kami sangat teruja dan gembira men-

gunjungi FPL kerana majoriti ahli rombongan pertama kali menjelaskan kaki ke Kampus UMS Sandakan," katanya.

Sementara itu, Ketua Program Lawatan, Che Din Md Salleh melahirkan rasa gembira kerana lawatan itu bukan sahaja mencapai matlamatnya tetapi juga memberi ruang dan peluang kepada staf UMSKAL mengenali lebih dekat bidang pertanian dan penternakan yang dikendalikan di FPL.

Sambil menghargai kerjasama warga FPL, beliau yakin dan percaya, menerusi lawatan itu hubungan baik yang terjalin antara kedua-dua pihak akan terus kukuh dan berkekalan pada masa akan datang.

Che Din tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Prof Dr Murnizam dan Zamri Mohamad Tuah yang membentarkan kakitangan UMSKAL mengadakan lawatan ke Sandakan itu.

"Terima kasih juga buat semua ahli rombongan yang memainkan peranan masing-masing melancarkan perjalanan program tersebut," ujar Che Din bersyukur segala perancangan program



STAF ... UMSKAL melawat fasiliti ternakan lembu susu.

tersebut mendapat kerjasama ahli rombongan.

Selain itu, Che Din berharap menerusi program tersebut pelbagai ilmu penge-

tahanan dan pengalaman dapat diperolehi oleh staf UMSKAL yang pertama kali menjelajah Tawau dan Sandakan.- OLEH JAINUDIN DJIMIN